



TEKS UCAPAN

**TYT TUN DATO' SERI UTAMA AHMAD FUZI BIN HAJI ABDUL RAZAK
YANG DI-PERTUA NEGERI PULAU PINANG
[CANSELOR UNIVERSITI TENAGA NASIONAL (UNITEN)]**

**SEMPENA MAJLIS KONVOKESYEN KE-26 TAHUN 2024
(SESI PERTAMA) UNITEN**

**PADA 16 NOVEMBER 2024 (SABTU) JAM 8:30 PAGI
DI DEWAN SERI SARJANA, UNIVERSITI TENAGA NASIONAL**

Bismillahirrahmanirrahim,

Alhamdulillahirabbil 'Alamin,

Wassalatu Wassalamu 'Ala Asyrafil Anbiya Iwal Mursalin,

Wa'ala Alihi Washabihi Ajma'in.

YBhg Academician Tan Sri Dr. Insinyur Ahmad Tajuddin bin Ali

Pro Canselor, Universiti Tenaga Nasional,

YBhg Tan Sri Dato' Seri Abdul Razak bin Abdul Majid

Pro Canselor, Universiti Tenaga Nasional,

YBhg Profesor Emeritus Dato' Dr. Hassan bin Said

Pengerusi Lembaga Pengelola Universiti Tenaga Nasional,

YBhg Profesor Insinyur Dr. Khairul Salleh Mohamed Sahari

Naib Canselor Universiti Tenaga Nasional,

Yang Berbahagia Dato' (Dr.) Low Tuck Kwong

Penerima Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Perniagaan

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Universiti Tenaga Nasional,

Ahli-Ahli Lembaga Pengelola Universiti Tenaga Nasional,

Dif-Dif Kehormat,

Jemaah Pengurusan, Ahli-Ahli Senat, Barisan Akademik Universiti
Tenaga Nasional,

Para Graduan dan Ibu bapa,

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

1. Alhamdulillah, bersyukur kita kehadiran Allah SWT kerana dengan keizinan-Nya jua kita dapat bersama-sama dalam Majlis Konvokesyen Universiti Tenaga Nasional Kali ke-26 Tahun 2024 pada hari ini.

2. Tahniah dan syabas diucapkan kepada para graduan kerana telah menamatkan pengajian dengan jayanya. Ini merupakan ganjaran ke atas usaha, kesungguhan, komitmen dan ketabahan saudara-saudari dalam menjalani sesi pembelajaran serta menimba pengalaman sepanjang di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN).

3. Setinggi-tinggi tahniah juga saya ucapkan kepada Yang Berbahagia Dato' (Dr.) Low Tuck Kwong atas penganugerahan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan Perniagaan pada majlis konvokesyen kali ini. Anugerah ini merupakan satu pengiktirafan atas segala sumbangan dan khidmat bakti beliau kepada dunia akademik dan penyelidikan di rantau Asia Tenggara.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

4. Saya amat berbesar hati untuk menyempurnakan Majlis Konvokesyen UNITEN pada kali ini yang mana kita bakal menyaksikan penganugerahan kepada 1,412 orang graduan yang terdiri daripada:

- i. 49 orang penerima Ijazah Doktor Falsafah;

- ii. 69 orang penerima Ijazah Sarjana;
- iii. 966 orang penerima Ijazah Sarjana Muda; dan
- iv. 328 orang penerima Diploma.

5. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada ibu bapa, ahli keluarga, para pensyarah serta seluruh kakitangan sokongan yang telah memberi dorongan kepada semua graduan dalam memastikan kejayaan mereka pada hari ini. Bagi UNITEN, Majlis Konvokesyen ini merupakan kesinambungan kepada usaha gigih serta komitmen dalam melahirkan graduan yang cemerlang.

6. Alhamdulillah, UNITEN terus berkembang teguh selama 27 tahun dalam arus pendidikan tinggi negara seraya melahirkan para graduan berkualiti tinggi yang menyumbang kepada pembentukan sebuah negara bangsa.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

7. Pendidikan tinggi merupakan aset budaya dan saintifik yang membolehkan pembangunan peribadi, menggalakkan perubahan ekonomi, teknologi dan sosial.

Ia menggalakkan pertukaran pengetahuan, penyelidikan dan inovasi serta melengkapkan pelajar dengan kemahiran yang diperlukan untuk

memenuhi pasaran buruh yang sentiasa berubah. Bagi graduan pula, ia adalah jaminan kepada keselamatan ekonomi dan masa depan yang stabil.

8. Sejak penubuhannya pada tahun 1997 sehingga tahun 2023, UNITEN kini telah berjaya melahirkan seramai 40,087 orang graduan. Dalam tempoh tersebut, UNITEN terus memperkasakan aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran demi melahirkan pelajar yang holistik dan menepati kehendak industri.

9. Hal ini telah terbukti dengan pencapaian kebolehpasaran graduan atau *employability rate* UNITEN pada tahap 97.3 peratus bagi tahun 2023 melalui Kajian Pengesanan Graduan, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia. Dalam tiga tahun kebelakangan ini, UNITEN telah mencapai lebih daripada 95 peratus kebolehpasaran graduan.

10. UNITEN juga telah menerima anugerah '*Employers Choice Award 2024*' anjuran *Talentbank* pada bulan Mei 2024 dalam tiga (3) bidang kejuruteraan utama iaitu Kejuruteraan Awam, Kejuruteraan Elektrik dan Kejuruteraan Mekanikal. Pencapaian ini membuktikan keupayaan UNITEN melahirkan graduan berkualiti tinggi.

11. Pada masa yang sama, UNITEN turut memberi penekanan dalam melahirkan graduan yang memiliki sahsiah unggul atau *towering personality*. Pembentukan keperibadian luhur dan budi pekerti mulia

dijadikan fokus utama selain kecemerlangan intelektual. Justeru, nilai-nilai yang baik akan terus diperkasakan agar menjadi budaya di UNITEN.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

12. UNITEN kini berada di dalam kelompok 15 universiti terbaik di Malaysia dan berjaya mengekalkan pencapaian 5 Bintang dalam penilaian *Malaysia Research Assessment (MyRA)*.

13. UNITEN sentiasa memastikan kualiti universiti ini diperkukuh agar mampu bersaing di peringkat domestik mahupun antarabangsa. Sukacita saya memaklumkan, UNITEN telah mengekalkan pengiktirafannya sebagai sebuah universiti berstatus swaakreditasi oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) sehingga tahun 2027. Pengiktirafan pengekal status swaakreditasi ini mencerminkan kekuatan serta jaminan kualiti dalaman UNITEN, sebagai sebuah universiti yang berkeelayakan mengkredit programnya sendiri.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

14. Dunia pendidikan tinggi telah berubah secara mendadak sepanjang dekad yang lalu dengan peningkatan kemasukan (enrolmen), mobiliti

pelajar, kepelbagaian peruntukan, dinamik penyelidikan dan teknologi. Berdasarkan data UNESCO pada Julai 2024, kira-kira 254 juta pelajar mendaftar di universiti di seluruh dunia dan jumlah ini meningkat lebih daripada dua (2) kali ganda dalam tempoh 20 tahun yang lalu serta dijangka kian berkembang.

15. Selain itu, pertumbuhan teknologi yang pesat telah mewujudkan dunia tanpa sempadan hasil penggunaan *Artificial Intelligence (AI)* dan *Big Data*. Teknologi ini juga dapat membantu institusi pengajian tinggi menggunakan data untuk perancangan, pembiayaan dan penawaran kualiti pengajaran serta pembelajaran yang lebih baik.

16. Justeru, UNITEN telah mula menerapkan penggunaan AI dalam menghasilkan pendekatan pembelajaran yang lebih holistik serta mesra pelajar di mana akses ke atas kandungan sesuatu subjek dirancang khas mengikut keperluan individu.

17. Hasilnya, *Confirm AI* diperkenalkan oleh UNITEN sebagai inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang bertujuan memberi impak positif kepada pendidikan di Malaysia, khususnya dalam menyokong pelajar Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Melalui teknologi "*Mastery Based Learning*," *Confirm AI* menyediakan sistem latihan tubi yang dipersonalisasi berdasarkan prestasi pelajar, dengan matlamat membantu pelajar

memahami subjek dengan lebih mendalam. Inisiatif ini sejajar dengan keperluan Kementerian Pendidikan Malaysia dan memperlihatkan komitmen UNITEN untuk memperkasakan sistem pendidikan negara.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

18. UNITEN juga sentiasa berusaha dalam mendepani perubahan sektor pendidikan, termasuk memperhebatkan usaha menarik pelajar ke bidang STEM, mengurus kos dengan efisien dan mempertingkatkan daya saing. Setiap cabaran dijadikan peluang untuk memperkukuh kedudukan UNITEN sebagai peneraju dalam pendidikan tinggi, sambil memastikan universiti ini terus menawarkan pengalaman pembelajaran yang berkualiti serta relevan dengan perkembangan global.

19. Diiringi sokongan yang padu daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pemegang taruh, UNITEN akan terus berusaha untuk memastikan prasarana dan ekosistem pembelajaran yang kondusif disediakan agar setiap pelajar dilengkapi pengetahuan dan kemahiran kalis masa depan dalam menerajui era digital.

20. Dengan usaha berterusan, UNITEN komited untuk menggandakan prestasi dan kecemerlangan sehingga mencapai status 10 universiti terbaik, serta dinobatkan sebagai universiti swasta terbaik tanahair.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

21. Saban tahun, UNITEN terus berbangga dengan pencapaian luar biasa yang dipamerkan oleh pelajar-pelajarnya. Justeru, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah kepada:

- i. Alya Rezal Binti Ahmad Rezal, pelajar Ijazah Sarjana Muda Perakaunan (Kepujian) kerana telah menerima Anugerah Kecemerlangan Pelajar Perakaunan Kebangsaan (*NASEA*) 2023 bersempena dengan Persidangan Akauntan Antarabangsa (MIA) 2024, di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. Beliau juga telah menimba pengalaman di *Goodman School of Business*, Universiti Brock, Kanada sebagai pelajar lawatan melalui Biasiswa *University Mobility in Asia and the Pacific* (UMAP) - Kanada antara Ogos 2022 hingga Januari 2023;
- ii. Arinn Danish dan Mohamed Zaid Alshami, pelajar Kolej Komputeran dan Informatik (CCI) yang telah menerajui kumpulan *IntelliAgro* dan memenangi AgriNXT (sebutan: Agri-

Next) Challenge 2023 melalui idea penyelesaian inovatif bertajuk “*Data-Driven Identification, Knowledge-Driven Market and Community Network for Durian Industry*” di MAHA 2024 serta membawa pulang hadiah wang tunai sebanyak RM25,000.00; dan

- iii. Ahmad Umair Suhaidi, pelajar Kolej Komputeran dan Informatik (CCI) yang telah dijemput sebagai wakil tunggal dari Asia Tenggara untuk menyertai Mesyuarat Ke-58, *Asia Pacific Advanced Network (APAN)* di Islamabad, Pakistan anjuran Suruhanjaya Pengajian Tinggi Pakistan dengan kerjasama Rangkaian Pendidikan & Penyelidikan Pakistan.

22. Penglibatan pelajar dalam program terbuka seumpama ini di pelbagai peringkat domestik mahupun global, secara konstruktif menyuntik elemen kepimpinan, keterampilan, daya komunikasi dan pengucapan sekali gus memupuk kerjasama strategik melalui proses silang budaya di antara institusi pendidikan tinggi dan industri dalam menyokong pengetahuan serta memacu pembangunan industri itu sendiri.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

23. UNITEN baru-baru ini mencapai satu lagi kejayaan yang membanggakan di peringkat antarabangsa melalui Yang Berbahagia Profesor Datin Ir. Dr. Lariyah Mohd Sidek daripada Institut Infrastruktur Tenaga, yang menerima Pengiktirafan Khas dalam kategori penyelidikan senior untuk Hadiah Sains Wanita UL Research Institutes-US-ASEAN 2024. Pengiktirafan ini diberikan atas sumbangan penting dalam bidang keselamatan empangan dan pemodelan banjir yakni dua (2) bidang yang amat relevan dalam meningkatkan daya tahan dan adaptasi iklim.

24. UNITEN turut mempergiatkan inisiatif memperkasakan ekosistem penyelidikan dengan mempelawa penyelidik pasca kedoktoran dari seluruh dunia untuk menjalankan penyelidikan di sini dan menghasilkan kertas-kertas ilmiah untuk dijadikan rujukan di seluruh dunia.

Seramai 80 orang profesor pelawat yang merupakan cendekiawan tersohor antarabangsa dalam pelbagai bidang berkaitan telah dikenal pasti dalam memperkukuhkan lagi usaha ini.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

25. Yayasan Canselor UNITEN (YCU) dan Tabung Amanah Zakat UNITEN (TAZU) meneruskan usaha murni dengan memberi sumbangan kewangan dalam bentuk pemberian biasiswa terutamanya kepada golongan pelajar yang memerlukan akses kepada pendidikan berkualiti di UNITEN. Pada tahun 2023, YCU telah berjaya mencatatkan jumlah kutipan

dana sebanyak RM37.7 juta hasil sumbangan pihak korporat dan individu. Dana ini turut akan disalurkan semula kepada penerima manfaat melalui geran penyelidikan, aktiviti pengajaran, pembelajaran dan sebagainya selaras dengan objektif penubuhan Yayasan.

26. TAZU pula aktif mengadakan kempen galakan bayaran zakat kepada anggota Tenaga Nasional Berhad (TNB), anak-anak syarikat TNB dan UNITEN yang berkecukupan. Kempen ini telah membuahkan hasil di mana jumlah kutipan zakat yang telah berjaya dikutip untuk tahun 2023 adalah sebanyak RM11,071,399.61. Secara keseluruhan, jumlah kutipan zakat bagi tahun 2023 telah meningkat sebanyak 5.53 peratus berbanding 2022. Kutipan ini juga sudah semestinya akan disalurkan kepada penerima yang layak untuk tujuan pendidikan tinggi.

27. Justeru, saya menyeru para graduan yang kini merupakan alumni UNITEN untuk kembali menabur bakti menerusi sumbangan kewangan kepada YCU dan TAZU apabila berkemampuan kelak. Semoga sumbangan para alumni dapat meneruskan kegemilangan akademik UNITEN serta menjadi amal jariah dalam membantu golongan yang memerlukan.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

28. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada ahli keluarga para graduan khususnya ibu bapa, isteri atau suami serta anak-anak kerana tanpa pengorbanan, sokongan dan dorongan insan-insan yang tersayang, kejayaan yang dikecapi oleh para graduan pada hari ini mungkin sukar untuk dicapai.

29. Kepada para graduan sekalian, nasihat saya, zahirkanlah rasa terima kasih dan penghargaan kepada mereka yang tersayang, yang telah bersama-sama di masa susah dan senang ketika kalian di UNITEN.

30. Nelson Mandela pernah menyatakan, "*Education is the most powerful weapon which you can use to change the world*". Justeru, pastikan proses pembelajaran tidak terhenti setakat ini, sebaliknya berterusan sepanjang hayat. Jadikan sifat belajar sebagai budaya yang akan diperturun kepada generasi masa hadapan.

31. Kini anda merupakan "Duta UNITEN". Jagalah nama baik UNITEN dan gandakan usaha untuk memberi yang terbaik, bukan sahaja buat diri dan keluarga, bahkan buat agama, bangsa dan negara. Ilmu dan kemahiran yang anda perolehi di UNITEN harus dimanfaatkan untuk membantu memperbaiki kehidupan orang lain, memperkasakan masyarakat serta memajukan negara.

32. Saya doakan semoga langkah seterusnya akan menemukan saudara dan saudari dengan pengalaman yang lebih mematangkan minda, memantapkan iman dan memperkuat jati diri serta tidak mengenal erti putus asa.

33. Akhir kalam, sekali lagi saya ucapkan tahniah dan syabas kepada semua graduan Universiti Tenaga Nasional bagi tahun 2024. Saya doakan barisan kepimpinan UNITEN akan terus cemerlang dalam membawa universiti tercinta ini mencapai kejayaan yang lebih gemilang serta diiktiraf di persada antarabangsa.

Sekian, terima kasih,

Wabillahitaufik Walhidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.